

**Nazri Sedia Jadi 'Orang Tengah' Kaji Parlimen Bubar Akhir Penggal
MStar Online
Jun 22, 2012
Oleh ARIFFUDDIN ISHAK**

KUALA LUMPUR: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz sedia menjadi 'orang tengah' untuk mengkaji kemungkinan mencadangkan agar Pilihan Raya Umum (PRU) hanya akandiadakan selepas berakhirnya penggal lima tahun.

Jelas Mohamed Nazri, beliau secara peribadi percaya bahawa Ahli Parlimen sepatutnya berkhidmat sepenuh penggal kerana rakyat memilih wakil mereka bagi tempoh berkenaan.

"Saya fikir tempoh lima tahun bermakna wakil rakyat perlu berkhidmat dalam itu sebelum PRU diadakan.

"Saya sedia menjadi wakil bagi cadangan ini agar dibincangkan dan kemungkinan ia dilaksanakan," katanya ketika berucap pada sesi jawapan bagi Jabatan Perdana Menteri perbincangan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012 di Dewan Rakyat pada Khamis.

Selain itu Mohamed Nazri memberitahu Dewan Rakyat bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah mengadakan perbincangan kementerian berkaitan bagi membolehkan akses kepada media oleh parti politik.

Mengulas mengenai kos perjalanan pilihan raya meningkat, Mohamed Nazri berkata: "Ia meningkat kerana kos mencetak kertas undi, buku panduan kepada petugas pilihan raya serta pengangkutan bertambah sejak PRU terakhir diadakan pada 2008."

Malah katanya, peruntukan bagi Jabatan Perdana Menteri juga meningkat sejak 2008 daripada RM3.4 bilion kepada RM5.7 bilion tahun ini kerana jumlah agensi di bawah jabatan itu turut bertambah daripada 34 kepada 54 agensi.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/6/22/mstar_berita/20120621181716&sec=mstar_berita